

**TEKS PERASMIAN
YBHG. DATUK SERI DR. ABDUL FATTAH
ABDULLAH
PRESIDEN ANGKASA
MERANGKAP PRESIDEN ASEAN CO-
OPERATIVE ORGANIZATION (ACO)**

**WEBINAR AURA SIRI 2
'SDG 2030: KOPERASI PENYUMBANG
BERKESAN'**

**25 MEI 2022 (RABU)
10 PAGI
ZOOM/FB LIVE**

Bismillahirrahmanirrahim

Assalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh dan Salam Sejahtera

Yang Berbahagia

Prof. Dr. Razli Che Razak

Naib Canselor Universiti Malaysia
Kelantan

Yang Berusaha

Dr. Mohd Azlan Yahya

Anggota Lembaga ANGKASA

Yang Berusaha

Encik Mohd Zaib Mat Yunus

Timbalan Ketua Pengarah

(Pembangunan Modal Insan), Institut

Koperasi Malaysia

Yang Berusaha

Tuan Haji Nasir Khan Yahaya
Anggota Lembaga Pemegang
Amanah Yayasan ANGKASA

Dato-Dato/Datin-Datin/Tuan-
Tuan/Puan-Puan yang dihormati
sekalian.

1. Terlebih dahulu saya mengucapkan syukur ke hadirat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan keizinan-Nya, kita dapat bersama-sama mengikuti program Webinar AURA Siri 2 yang bertajuk “SDG 2030: KOPERASI PENYUMBANG BERKESAN”.

2. Saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada YBhg. Prof. Dr. Razli Che Razak, Naib Cancellor, Universiti Malaysia Kelantan (UMK) dan seluruh warga UMK atas kejayaan kerjasama strategik menjayakan program ini dan program-program pembangunan koperasi melalui ANGKASA – UMK Research Academy

(AURA) yang kini sudah memasuki tahun kedua.

Hadirin Yang Dihormati Sekalian

3. Untuk makluman, ANGKASA bersama-sama dengan UMK telah menubuhkan AURA pada tahun 2020 dengan aspirasi untuk menjadikan

AURA sebagai pusat penyelidikan dan pembangunan kecemerlangan koperasi. Alhamdulillah, AURA sedang bergerak cemerlang ke arah itu.

4. Webinar AURA merupakan program kerjasama ANGKASA – UMK, yang mengupas isu-isu semasa berkaitan koperasi menampilkan

pakar-pakar berpengalaman dalam pelbagai bidang utama negara untuk berkongsi idea dan pandangan bagi membolehkan koperasi mendapat input-input terkini, untuk terus bergerak ke hadapan.

5. Webinar kali ini, membincangkan isu global berkaitan

Matlamat Pembangunan Lestari (Sustainable Development Goals-SDG) yang mana Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu mengiktiraf gerakan koperasi sebagai pemain utama. Pengiktirafan ini, kerana koperasi menggalakkan demokrasi, meningkatkan pendapatan, memupuk keterangkuman sosial dan

menjaga alam sekitar. Gerakan koperasi di seluruh dunia menyambut baik pengiktirafan ini dan menjadikannya sebagai agenda utama.

6. Perikatan Antarabangsa (ICA) memainkan peranan utama Koperasi dalam

mempromosikan peranan koperasi dalam pelaksanaan SDG. Koperasi di seluruh rantau Asia Pasifik terlibat secara aktif dalam pelaksanaan SDG dan semakin mendapat pengiktirafan atas sumbangan mereka. Komitmen koperasi merentasi semua sektor—pertanian, perbankan dan kredit, pengguna, kesihatan dan pekerjaan.

7. Kelestarian telah diangkat sebagai salah satu tonggak penting dalam Rangka Tindakan ICA yang meletakkan koperasi sebagai pembina kelestarian ekonomi, sosial dan alam sekitar. Melalui webinar kali ini, kita akan dapat melihat, koperasi sama ada di peringkat global ataupun nasional dalam segenap lapangan

telah berjaya memberi sumbangan yang berkesan ke arah pencapaian SDG.

Hadirin Yang Dihormati Sekalian

8. ANGKASA juga telah mengambil inisiatif menyokong pencapaian SDG antaranya menyediakan akses

kesihatan kepada anggota dan masyarakat umum selaras Matlamat 3 SDG dengan membuka peluang kepada koperasi menjalankan perniagaan farmasi di bawah jenama Coop Farmasi dan Coop Wellness. Sehingga kini, lapan Coop Farmasi berjaya dibuka. Usaha ini untuk membantu seluruh rakyat Malaysia

dapat akses kepada produk-produk kesihatan pada harga berpatutan.

9. Selaras dengan Matlamat 4, SDG: Pendidikan Berkualiti, ANGKASA telah memberi peluang kepada kakitangan untuk menyambung pengajian di pelbagai peringkat. Sehingga kini, ANGKASA telah menaja

13 pelajar Diploma, 15 pelajar Sarjana Muda, 60 pelajar Master dan 3 orang pelajar PhD. Menerusi Yayasan ANGKASA, ANGKASA telah menaja 1,312 orang pelajar dengan pembiayaan sebanyak RM27.238 juta. Daripada jumlah itu, RM9.597 juta ditukar kepada biasiswa.

10. Bagi menyokong matlamat 13, SDG: menangani perubahan iklim, ANGKASA komited menjayakan agenda Kerajaan menanam pokok. Ini bagi membantu memulihara hutan terosot melalui penanaman pokok di plot hutan simpan negeri Selangor seluas 20 ekar yang dijadikan 'Hutan Angkat Koperasi.' Usaha ini dijayakan

dengan kerjasama Universiti Kebangsaan Malaysia, Jabatan Perhutanan Negeri Selangor dan Yayasan Hijau Malaysia.

11. Ini beberapa contoh projek/program yang telah atau sedang dilaksanakan ANGKASA selaras dengan matlamat SDG.

Banyak lagi program yang diusahakan bagi menyokong pencapaian SDG yang tidak dapat saya kongsi kerana masa yang tidak mengizinkan.

12. Sebagai pengakhir kata, saya amat berharap AURA dapat merencanakan lagi bidang-bidang kerjasama baharu yang dapat

memberi dampak dan manfaat kepada pembangunan dan kecemerlangan koperasi khususnya dalam bidang perniagaan dan keusahawanan yang dapat memberi manfaat kepada ekonomi negara dan masyarakat secara keseluruhannya. Harapan saya, Webinar AURA dapat menjadi medium terbaik, percambahan fikiran

kelas pertama dalam membincangkan isu-isu terkini koperasi negara.

Saya dengan lafaz bismillahirrahmanirrahim merasmikan Webinar AURA Siri 2 yang bertajuk 'SDG 2030: Koperasi Penyumbang Berkesan.'

Sekian, terima kasih.

Wasalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh.